

# Ros oh ros: Wangi, lembut dan karisma?



BICARA KAMPUS

Oleh ZAITON MOHAMAD  
zaitonmohamad@yahoo.com

UB 07-12-2008 B4  
**P**ESTA Tamu Gadang sempena sambutan meraikan graduan yang berjaya menamatkan pengajian dan menerima ijazah dalam Konvokesyen ke-13 baru sahaja berakhir. Pelbagai aktiviti sama ada yang melibatkan bayi, kanak-kanak, remaja dan ibu bapa juga telah diadakan dan aura sambutan tersebut masih lagi terasa. Segala-galanya bagaikan dibuat persiapan secara sempurna namun mungkin juga terdapat sedikit sebanyak kekurangan dan kelemahan namun ia boleh ditambahbaik pada masa depan kerana kehidupan ini adalah suatu proses pembelajaran yang tidak ada titik yang terakhir. Justeru itu adalah lebih berguna mengambil pendekatan yang positif dalam segala kekurangan demi meningkatkan kualiti dalam perkhidmatan, pentadbiran, perusahaan dan sebagainya. Kelemahan pada masa sekarang adalah bonus

untuk kemajuan pada masa hadapan.

Walaupun begitu penulis masih lagi teringatkan jualan bunga-bunga ros yang digubah dan dihias cantik untuk dijual semasa hari-hari konvokesyen tersebut. Harganya juga dijual melebihi harga biasa di kedai-kedai, namun jualannya tetap laris kerana kesediaan ibu bapa dan sanak saudara serta rakan-rakan graduan yang ingin memberikan hadiah kepada orang yang istimewa pada hari tersebut. Walaupun bunga-bunga yang cantik dan kembang mekar tersebut tidak mempunyai bau yang wangi cuma kelebihannya terletak pada kecantikan kelopakannya semata-mata dan dihias dengan bunga-bunga yang kecil lain dan diletakkan patung-patung yang comel untuk menambahkan serinya. Namun ia tetap menjadi kebanggaan para graduan apabila menerima sekuntum mahupun sejambak bunga daripada orang yang disayangi mereka. Bunga tersebut menandakan kasih dan sayang yang

ditunjukkan oleh keluarga dan sanak saudara. Walau bagaimanapun penerimanya mungkin tidak meneliti secara halus keindahan pada bunga ros tersebut. Bagi seseorang yang teliti dan menghayati keindahan bunga ros sudah tentu akan dapat menghayati betapa indah dan wanginya bunga ros tersebut dan dari zahirnya sahaja sudah dapat mengenalpasti sama ada ros desa mahupun ros kota yang sekadar hiasan. Oleh sebab itu walaupun ros cantik dan nampak hebat namun keaslian keharumannya tidak dapat menandingi ros desa. Apa yang jelasnya kewangian ros desa lebih harum, walaupun tidak begitu cantik fizikalnya namun kewangiannya jelas sekali harum mewangi.

Begitu juga dengan kehebatan orang desa. Bunga ros dan mawar boleh dikaitkan dengan seorang wanita. Bak kata pepatah Melayu penampilan wanita kota lebih moden menyerlah, cantik dan bergaya berbeza dengan penampilan wanita kampung yang masih lagi mengekalkan

ciri-ciri tradisional dan mempunyai keayuannya tersendiri. Malah wanita di kampung dikatakan masih mempunyai pemikiran bercirikan tradisional dan menitikberatkan adat resam dan budaya setempat. Justeru itu perumpamaan bunga agak bersesuaian dan kebanyakan masyarakat zaman moden ini lebih menyukai untuk membuat pilihan memilih bunga ros kota yang hanya nampak cantik tetapi tidak mempunyai bau yang harum. Mungkin juga ros kampung sudah dikacuk dengan bunga kota sehinggakan keharumannya juga semakin kurang wangi. Namun ada keunikan pada analogi ros dengan seorang wanita kerana ada kelebihan yang diberikan Tuhan kepada golongan tersebut dan dinyatakan seperti dalam ringkasan maksud firman Allah seperti "Saat kuciptakan wanita, aku membuatnya menjadi sangat utama. Kuciptakan bahunya, agar mampu menahan seluruh beban dunia dan isinya, walaupun bahu itu lembut untuk menahan kepala

bayi yang sedang tidur. Kuberikan wanita kekuatan agar dapat melahirkan dan mengeluarkan bayi dari rahimnya, walaupun kerap berulang kali ia menerima cerca dari anaknya itu. Namun kuberikan keperkasaaan yang akan membuatnya tetap bertahan, pantang menyerah saat semua orang sudah putus asa. Kepada wanita, kuberikan kesabaran untuk merawat keluarganya walau letih, walau sakit, walau lelah tanpa berkeluh kesah. Kuberikan wanita, perasaan peka dan kasih sayang untuk mencintai semua anaknya dalam suasana dan situasi apapun, walau acap kali anaknya-anaknya itu melukai perasaan dan hatinya. Perasaan ini pula yang akan memberikan kehangatan pada bayi-bayi yang mengantuk menahan lelap. Sentuhan inilah yang akan memberikan kenyamanan saat didakap dengan lembut olehnya. Kuberikan wanita kekuatan untuk membimbing suaminya melalui masa-masa sulit dan menjadi pelindung baginya kerana bukannya sekadar tulang

rusuk yang melindungi setiap hati dan jantung agar tidak terkoyak. Kuberikan kepadanya kebijaksanaan dan kemampuan untuk memberikan pengertian dan menyedarkan bahawa suami yang baik adalah yang tak pernah melukai isterinya. Walau seringkali pula kebijaksanaan itu akan menguji setiap kesetiaan yang diberikan kepada suami agar tetap berdiri sejajar, saling melengkapi dan saling menyayangi. Dan akhirnya kuberikan ia air mata agar dapat mencurahkan perasaannya. Inilah yang khusus kuberikan kepada wanita, agar dapat digunakan bila sahaja ia inginkan. Hanya inilah kelemahan yang dimiliki wanita, walaupun sebenarnya air mata ini adalah air mata kehidupan". Lantaran itu walaupun ros dianalogikan kepada wanita namun dalam kelembutan dan keayuannya terpahat seribu satu kekuatan yang boleh menggoncangkan dunia. Ini disebabkan seorang wanita yang jahat adalah lebih buruk daripada 1,000 lelaki yang jahat. Golongan sedemikian juga

boleh merosakkan kaum lelaki dan memporak perandakan sesebuah organisasi. Malah boleh mendorong pemimpin membuat keputusan yang salah dalam mentadbir. Namun bagi seorang wanita solehah adalah lebih baik daripada 70 orang lelaki saleh dan para wali. Ini disebabkan doa seorang wanita lebih diterima Tuhan kerana wanita mempunyai sifat penyayang yang lebih kuat daripada lelaki. Justeru itu Rasulullah SAW juga lebih menyayangi anaknya Fatimah kerana sifat-sifat keibuannya dan kesetiannya kepada suaminya walau dalam kesusahan yang paling sukar dialaminya. Lantaran itu anda sebagai seorang yang bijak perlu melihat dan meneliti karektor wanita untuk anda percayai sebelum anda menerima dan membuat keputusan yang sepatutnya supaya anda juga tidak tersasar dari landasan kebenaran.

\* Penulis adalah Pegawai Psikologi, Bahagian Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya, HEP, UMS